

31/05/2003

Ong, Chan diminta bersikap lebih terbuka

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

PELETAKAN jawatan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan menjadi tumpuan semua akhbar berbahasa Cina sepanjang minggu ini.

Penganalisis Sin Chew Daily, pada Khamis lalu mempersoalkan sumbangan yang boleh diberikan oleh Presiden dan Timbalan Presiden MCA yang baru, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy kepada parti, masyarakat Cina serta negara.

Menurut penganalisis itu, kedua-duanya tidak boleh menggunakan alasan 'saya tidak tahu apa yang masyarakat Cina mahu sebenarnya!' kerana mereka adalah anak kelahiran kampung baru Cina yang perlu membela nasib kaum berkenaan.

Sebaliknya mereka harus menanyakan diri 'apa yang boleh kami buat untuk MCA dan masyarakat Cina?'

Beliau berpendapat, MCA perlu mempunyai hala tuju yang tepat untuk maju melalui pengukuhan atau pemansuhan dasar parti, termasuk pembinaan sekolah

jenis kebangsaan Cina (SJKC), gejala politik dan budaya berpuak-puak.

Dari segi individu, kedua-duanya perlu menampilkan contoh pemimpin era baru supaya mereka tidak ditinggalkan aliran semasa. Pada masa sama, Ong dan Chan harus berfikiran terbuka dan boleh menerima sebarang idea rasional dan kritikan.

Bagaimanapun, ia terletak di tangan Ong dan Chan untuk merebut peluang sedia ada bagi menentukan kejayaan masing-masing walaupun mereka mendapat sokongan pelbagai pihak.

Kelmarin, penganalisis China Press berpendapat, pelantikan Ong sebagai pemangku Menteri Pengangkutan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad selama sebulan adalah satu ujian terhadap kebolehannya.

Pelantikan Ong buat sementara waktu itu tidak mendatangkan sebarang kejutan kerana beliau pernah memangku jawatan itu sebelum ini.

Beliau berpendapat, mungkin ia adalah mesej secara tidak langsung bahawa

Presiden MCA adalah calon yang akan mengisi kekosongan portfolio itu.

Bagaimanapun, penganalisis itu yakin Ong mampu mengharungi ujian itu berbekalkan pengalamannya dalam bidang politik dan kerajaan.

Sementara itu, pembukaan sekolah Tamil terbesar di negara ini mendapat liputan meluas Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini

yang seolah-olah mahu menutup mulut beberapa pengkritik yang ghairah merendahkan sekolah aliran bahasa Tamil kebelakangan ini.

Nesan melaporkan, Sekolah Tamil Indera Mahkota di Kuantan, Pahang yang dibina dengan kos RM1 juta dengan dibiayai Kementerian Pendidikan, akan dirasmikan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu pada hari ini.

Bangunan tiga tingkat sekolah berkenaan merangkumi 24 bilik darjah dilengkapi segala kemudahan moden yang boleh menampung 1,035 pelajar dan dibina bagi menggantikan sekolah sedia ada di Jalan Penjara yang sudah berusia 78 tahun.

Nanban pula melaporkan kenyataan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah berkenaan, N Samynathan yang mahu bekerjasama dengan pihak pentadbiran bagi meningkatkan kadar pengambilan pelajar tahun depan. Tahun

ini, sekolah berkenaan hanya mempunyai 360 pelajar dan 22 guru.

Nesan juga melaporkan mengenai pemilihan Sekolah Tamil Masai, Johor yang dinamakan sebagai sekolah Tamil terbaik dan menduduki tempat ketiga dalam kategori sekolah Tamil dan Cina.

Sekolah yang mempunyai 1,140 pelajar dan 59 guru itu menerima anugerah berkenaan daripada Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman sempena perhimpunan Hari Guru baru-baru ini.

Akhbar yang sama turut menyiarkan berita kursus perkahwinan yang julung kali diadakan bagi pasangan berketurunan India selaras dengan dasar kerajaan supaya mereka yang mahu berkahwin dipastikan mempunyai pengetahuan mengenai hidup berkeluarga.

Kursus dua hari di Port Dickson, Negeri Sembilan itu anjuran Yayasan Strategik Sosial dalam penyelarasan Pengerusinya, Dr Dennison Jayasooria.

Beliau memberitahu Nesan bahawa pasangan berkenaan diberi pendedahan mengenai keadaan yang mungkin terpaksa dihadapi selepas berkahwin, selain menjelaskan mengenai tuntutan agama, keperluan bertolak ansur serta kaedah mengamalkan kehidupan sihat.

Kedua-dua akhbar juga tidak ketinggalan melaporkan penyelesaian kemelut dalam MCA yang disifatkan sebagai tepat pada masanya berikutan ura-ura pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi.

Nanban dalam editorialnya, menekankan keperluan MCA merapatkan barisan kerana perpecahan yang berterusan di kalangan ahlinya mampu memberi kelebihan kepada parti pembangkang seperti DAP yang kini semakin berpengaruh sejak menarik dari daripada pakatan pembangkang.

Lapor akhbar itu, walaupun Barisan Nasional berupaya mengekalkan penguasaan dua pertiga pada pilihan raya seterusnya, sama ada kemenangan itu dicapai dengan majoriti undi yang tinggi masih menjadi persoalan.

Nesan pula melaporkan mengenai persiapan MIC menghadapi pilihan raya umum kerana sudah ada yang mula melobi untuk dipilih sebagai calon berikutan penambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) apabila akta persempadanan semula dibentangkan di Parlimen.

Ruangan editorial akhbar itu mengulas kenyataan Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung MIC Ke-57 bahawa tiada kawasan Parlimen atau DUN mempunyai majoriti pengundi kaum India dan kebanyakan calon MIC perlukan pengundi Umno dan MCA bagi memastikan kejayaan.

Justeru, Nesan berpendapat jika pertelagahan dalam MCA berlarutan, peluang wakil rakyat berketurunan India semakin tipis kerana dalam pilihan raya umum akan datang, lebih ramai calon DAP berketurunan India dijangka

bertanding.